

10/10/2000

LTDL 2001 janji saingan, aksi sengit

Zairee Zahir

EDISI keenam Le Tour de Langkawi (LTDL) 2001 yang ditetapkan pada 4-18 Februari depan tetap menjanjikan saingan dan aksi sengit dengan beberapa perubahan laluan yang lebih pendek, padat tetapi mencabar untuk kekal dengan gelarannya sebagai perlumbaan jelajah terulung Asia.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mahamad Zabri Min berkata, selain laluan sejauh 1,836.4km yang disifatkan antara terpanjang setakat ini, ia dicampur-aduk dengan kayuhan jarak pendek, sederhana, kriterium, ujian masa serta dua kayuhan mendaki berturut-turut yang memeritkan.

Walaupun masih mengekalkan jumlah 25 pasukan, perubahan paling ketara ialah jumlah pelumba yang dihadkan kepada tujuh orang, berbanding enam pelumba sebelum ini.

Sehubungan itu, kelompok 175 pelumba yang akan membuat permulaan adalah jumlah terbesar dan menjanjikan saingan lebih sengit di kalangan pasukan yang mengambil bahagian.

"Yang penting, perubahan laluan kali ini, serta keadaan cuaca tropika yang tidak menentu, masih mampu mengekalkan kesukaran tersendiri, menepati syarat yang ditetapkan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI).

"Kerajaan yakin dengan perubahan ini, imej LTDL sebagai perlumbaan paling berprestij Asia tetap utuh dan boleh dianggap antara yang terbaik dengan perlumbaan jelajah besar lain," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras LTDL 2001 peringkat nasional serta pengumuman laluan di kementerian itu, semalam.

Sehubungan itu, dia mengharapkan kerjasama erat daripada semua agensi dan jabatan kerajaan serta kerajaan negeri untuk bersama-sama menjayakan acara kebanggaan nasional yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, demi imej negara ini.

Seperti edisi sebelumnya, LTDL 2001 akan bermula dengan perlumbaan prolog di Pulau Langkawi. Peringkat pertama berikutnya membabitkan laluan dari Alor Setar-Kangar-Gurun-Sungai Petani sejauh 188.1km; Gerik-Kg Gunung-Bukit Bunga-Pulai Chondong-Kota Bharu (226.3km); Kota Bharu-Bachok-Beting-Merang-Kuala Terengganu (177.5km); dan Dungun-Ketengah Jaya-Kijal-Chukai-Balok-Kuantan (135.8km).

Peringkat kelima membabitkan kayuhan dari Pekan-Rompin-Mersing-Kota Tinggi (241.4km) dan Kluang-Parit Raja-Muar-Merlimau-Melaka (150.4km) sebelum rehat sehari di bandaraya bersejarah itu.

Perlumbaan disambung pada peringkat ketujuh dari Melaka-Masjid Tanah-Sepang-Jenjarom-Kelang (172.1km); Kuala Kubu Bharu-Tanjong Malim-Sungkai-Bidor-Tanah Rata (154.6km); Tapah-Bidor-Slim River-Behrang-Genting Highlands (132km) sebelum peringkat ke-10 ujian masa sejauh 26.6km di Shah Alam.

Peringkat seterusnya ialah Menara Kuala Lumpur-Batang Berjantai-Shah Alam (156km) dan peringkat terakhir kriterium Dataran Merdeka sejauh 75.6km.

(END)